

Hasrat bertemu bapa kandung terlaksana

KUANTAN – Hasrat kanak-kanak lelaki berusia 10 tahun yang ditemui terikat dengan rantai besi pada leher untuk bertemu bapa kandungnya termakbul apabila lelaki itu datang melawatnya di Hospital Tengku Ampuan Afzan (HTAA) di sini petang semalam.

Pengerusi Jawatankuasa Wanita dan Keluarga, Komunikasi dan Multimedia negeri, Datuk Shahaniza Shamsudin berkata, bapa kandung kanak-kanak berkenaan tiba di HTAA selepas menghubungi pegawai pelindung kanak-kanak Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) Pahang.

Beliau berkata, setelah berpuas hati dengan identiti lelaki berusia 36 tahun itu, pegawai JKM telah membawanya berjumpa kanak-kanak itu.

Menurut beliau, dalam pertemuan tersebut, kanak-kanak berkenaan begitu gembira dapat berjumpa bapa kandungnya dan menangis kerana mahu ikut蒲lang.



SHAHANIZA memeluk kanak-kanak mangsa dera yang dirantai bapa tiri semasa melawatnya di HTAA Kuantan kelmarin.

“Disebabkan kes ini masih dalam siasatan polis dan kanak-kanak berkenaan dilindungi di bawah Akta Kanak-Kanak, kita tidak dapat melepaskannya lagi.

“Sebaik keluar dari hospital, JKM akan memohon perintah kepada mahkamah bagi menentukan siapa yang layak untuk menjaga kanak-kanak ini,” katanya

Rantai leher anak pada tong gas



KERATAN Kosmo! 7 Oktober 2017.

kepada pemberita di sini semalam.

Kelmarin, ketika menerima kunjungan Shahaniza di HTAA, kanak-kanak itu meluahkan hasrat berjumpa bapa kandungnya yang menetap di Melaka.

Shahaniza berkata, beliau juga telah berjumpa dengan bapa kandung kanak-kanak berkenaan semalam.

“Bapa kandung kanak-kanak itu meminta privasi dia dan keluarganya dijaga (supaya tidak didekah). Sebab itu dia tidak mahu nama dan gambarnya diam-bil,” katanya.

Dalam pertemuan itu katanya, lelaki berkenaan menyatakan kesediaannya untuk menjaga kanak-kanak berusia 10 tahun itu termasuk dua lagi abangnya.